

UPM jual hasil pertanian



Prof Mohd Fauzi (tiga dari kanan) menyaksikan demonstrasi tanaman bersempena dengan Ekspo Pertanian.

Serdang: Ekspo Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM) menawarkan sebanyak 1,000 anak pokok buah-buahan yang dihasilkan oleh universiti itu termasuk pelbagai klon anak pokok durian.

Harga serendah RM10 ditawarkan bagi jualan anak benih pokok buah-buahan dan hiasan, termasuk anak pokok durian klon D 24, D 99 (Kop Kecil), D 168 (Hajah Hasmah) dan D 197 (Raja Kunyit).

Anak pokok rambutan jenis R191, anak pokok mangga jenis MA 224 Cok Anan, anak pokok nangka jenis J33 dan anak pokok jambu batu jenis GU15 turut ditawarkan.

Ekspo yang mengetengahkan pameran dan aktiviti berteraskan pertanian itu

turut menawarkan kepada pengunjung peluang memenangi hadiah melalui aktiviti yang disertai.

Tema ekspo pada tahun ini iaitu 'Mendepani Pertanian' dilihat sejajar dengan matlamat UPM untuk menarik minat masyarakat supaya menjadikan aktiviti pertanian ke arah kehidupan yang lebih dinamik.

Pakar pertanian

Selaras dengan tema itu, ekspo menawarkan Klinik Pengembangan Pertanian yang mengetengahkan 12 pakar pertanian UPM untuk membantu orang ramai dalam kaedah dan masalah pertanian seperti pertanian bandaran, kaedah tanaman secara cantuman, baji dan keratan atau tampang.

Antara pendedahan diberi menerusi klinik itu ialah demonstrasi tanaman sayur secara fertigasi dan hidroponik, kaedah pemasuan semula dan pembiakan pokok hiasan, penanaman sayur secara growbag, pencegahan perosak, tanaman secara topsy tipsy, bonsai, terrarium, penanaman sayur dalam bekas terbuang menggunakan kaedah piskiponik, hiasan flora dan fauna dalam akuarium, penyediaan makanan sihat, penyediaan mikro organisme yang berkesan dan bahan herba mandian.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramli, menyempurnakan perasmian ekspo yang berlangsung selama enam hari bersempena dengan Pesta Konvokesyen UPM Ke-39.